



PEMAKLUMAN : OPERASI NELAYAN, PENGUSAHA AKUAKULTUR, PERGERAKAN SERTA PEMASARAN PERIKANAN DIBENARKAN

Berhubung kenyataan media Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 18 Mac 2020 menyatakan bahawa pihak Kerajaan amat prihatin dan memandang serius akan cabaran yang dihadapi oleh pihak industri dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memberikan kebenaran kepada nelayan, penternak ikan dan pengusaha perikanan untuk beroperasi dengan syarat-syarat tertentu terutamanya kepada industri yang mengeluarkan produk-produk yang ditakrifkan sebagai kritikal dalam bekalan makanan, dengan operasi pekerja di tahap minima dan penggiliran pekerja dilaksanakan.

Industri kritikal dalam bekalan makanan ini juga mesti bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah saringan dan pencegahan wabak COVID-19 wajib dilaksanakan di peringkat syarikat demi keselamatan pekerja dan pelanggan.

Kenyataan media Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) pada 21 Mac 2020 juga telah menjawab soalan lazim dari pemain industri perikanan di mana pengoperasian kilang atau premis pemprosesan bekalan makanan (*essential service*) termasuk ikan dan hasilan ikan serta input pengeluaran ikan adalah dibenarkan. Ia juga termasuk operasi nelayan dan pengusaha akuakultur di seluruh negara.

Namun aspek pematuhan operasi pekerja di tahap minima dan penggiliran pekerja perlu dilaksanakan demi keselamatan pekerja dan pelanggan.

Namun, ingin juga dimaklumkan bahawa aktiviti memancing adalah tidak dibenarkan dan mohon kesemua pemancing dapat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan seperti diumum oleh Perdana Menteri.

Sentiasa pastikan diri anda bersih, cuci tangan atau guna *hand sanitizer*, Jarakkan 1 meter daripada orang lain dan sentiasa ambil tahu perkembangan berita terkini mengenai COVID-19.

Kita jaga kita, bersama melawan COVID-19!

**Ketua Pengarah Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia
21 Mac 2020**